

KKLW laksana NBOS

bersama ECER, UMP

UTUSAN MALAYSIA 14/12/2016 m/s 30

BERA 13 Dis. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjalinkan kerjasama dengan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam usaha melahirkan ramai tenaga kerja mahir.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, menerusi pendekatan NBOS berkenaan, kementeriannya dan agensi berkaitan akan terlibat dalam menyediakan kepakaran melatih peserta terpilih.

“Usaha ini bukan sahaja antara kementerian tetapi melibatkan semua agensi di bawahnya yang akan menjalinkan kerjasama dengan ECER dan UMP.

“Selepas ini, mungkin kita dapat melaksanakan program bersama yang mana ECER boleh menyediakan modal dan kita mencari peserta serta tenaga pengajar,” katanya ketika berucap merasmikan pejabat Empower ECER Bera di sini kelmarin.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Mohd. Arif Ab. Rahman; Timba-

lan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Datuk Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Modal Insan, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Zulkifli Yaa'cob.

Menurut Ismail Sabri, kerjasama semua pihak penting dan amat signifikan dalam membantu menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan negara khususnya menjelang 2020.

Kata beliau, melalui strategi berkenaan juga dapat memastikan tidak berlaku pertindihan program antara agensi terlibat seterusnya usaha melahirkan tenaga kerja mahir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan semua pihak supaya terus memantau peserta yang diberi latihan bagi memastikan matlamat membantu peserta tercapai.

“Selain melakukan pemantauan dan bimbingan berterusan, bantuan dari segi modal dan pembiayaan juga perlu diberi perhatian dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan,” katanya.